

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

YFP 206 - Asas-Asas Penerbitan Audio

Masa: [3 jam]

---

Jawab Soalan 1, dan EMPAT soalan lain.

1. Majalah radio adalah dianggapkan sebagai satu saluran untuk membawa berita-berita lembut kepada golongan-golongan pendengar yang tertentu. Merujuk kepada majalah radio yang diterbitkan oleh kumpulan anda, bincangkan adakah kandungan majalah tersebut tepat untuk sasaran pendengar anda dan apakah kekuatan dan kelemahan majalah tersebut pada keseluruhannya?

(20 markah)

2. Peranan juruhebah di dalam sesuatu sesi kontinuiti adalah disifatkan sebagai:

membantu pendengar berhibur dengan rancangan anda,  
menambah unsur minat dan pelbagaian, dan  
memastikan sesi itu berjalan dengan lancar.

(Gough, ms.28)

Merujuk kepada peranan anda sebagai juruhebah di dalam sesi kontinuiti, huraikan setakat manakah anda telah berjaya di dalam peranan tersebut. Huraikan juga apakah unsur-unsur yang biasanya menjayakan ataupun menghalangkannya?

(20 markah)

3. Huraikan dengan ringkas bagaimanakah format-format berikut menyumbangkan kepada kejayaan sesuatu majalah radio:

- a) temuramah
- b) muzik
- c) skrip hebahan sambungan
- d) penyampaian

(20 markah)

...2/-

4. Apakah alat-alat asas yang harus ada di dalam satu studio audio untuk membolehkan rakaman berjalan dengan licin dan berkesan? Lukiskan juga satu rajah untuk menunjukkan di manakah alat-alat ini biasa diletakkan. (Anda boleh menggunakan Bilik Audio 3 atau 4 di PTPM sebagai contoh, tetapi digalakkan juga untuk melukis satu layout studio yang lebih berkesan.)

(20 markah)

5. Apakah perbezaan-perbezaan utama di antara temuramah yang dijalankan secara langsung (sesi kontinuiti) dan temuramah yang dirakamkan terlebih dahulu (majalah radio)? Berikan persiapan-persiapan yang diperlukan bagi kedua-dua temuramah ini.

(20 markah)

6. Salah satu daripada matlamat RTM ialah untuk "membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Bahasa Malaysia di kalangan masyarakat berbilang kaum". Pada pendapat anda adakah corak penyiaran Radio Malaysia secara keseluruhan membantu di dalam matlamat ini?

(20 markah)

-oooOooo-